Perbadanan Nasional Bhd lwn Jauhari bin Shamsudin dan satu lagi guaman

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO WA-22NCC-50–02 TAHUN 2016 DAN WA-22NCC-52–02 TAHUN 2016
AZIZUL AZMI H
30 OGOS 2017

Kontrak — Perjanjian — Perjanjian kemudahan — Plaintif memfailkan tindakan bagi menuntut semula wang yang diberikan kepada defendan-defendan berdasarkan perjanjian prinsipal yang ditandatangani — Sama ada ketidakupayaan defendan-defendan memahami bahasa yang digunakan dalam perjanjian melepaskan defendan-defendan dari memenuhi obligasi dalam perjanjian — Sama ada pembelaan fraud dan misrepresentasi diplidkan — Sama ada tindakan plaintif terhalang oleh had masa

Limitasi — Kontrak — Tindakan untuk — Plaintif memfailkan tindakan bagi menuntut semula wang yang diberikan kepada defendan-defendan berdasarkan perjanjian prinsipal — Sama ada tindakan plaintif terhalang oleh had masa — Akta Had Masa 1953 s 6(1)

Perbadanan Nasional Bhd ('plaintif') telah memulakan dua tindakan berasingan terhadap kedua-dua defendan di hadapan mahkamah ini. Kes-kes tersebut adalah tindakan untuk mendapatkan kembali wang yang dikatakan telah diberikan kepada kedua-dua defendan di bawah kemudahan kewangan menurut dua perjanjian bertajuk 'perjanjian prinsipal' ('perjanjian tersebut') bertarikh 9 Julai 2001. Atas cadangan mahkamah, peguam pihak-pihak bersetuju supaya kes plaintif untuk kedua-dua kes didengar secara serentak, atas alasan bahawa keterangan yang dikemukakan oleh plaintif adalah sama untuk kedua-dua kes. Namun, keterangan yang dikemukakan oleh setiap defendan telah ditimbang secara berasingan. Secara khusus, keterangan defendan dalam satu kes tidak diguna untuk menyokong keterangan defendan dalam kes yang lain, oleh kerana kedua-dua kes merupakan kes yang berasingan. Oleh itu, alasan-alasan yang terkandung di dalam penghakiman ini terpakai untuk kedua-dua kes. Terma-terma perjanjian tersebut antara lain mewajibkan defendan-defendan untuk membayar balik wang pinjaman dalam tempoh satu tahun dari tarikh penyenaraian syarikat tersebut. Sewaktu perbicaraan, keterangan telah diterima mahkamah bahawa syarikat tersebut sempurna disenaraikan pada 26 Julai 2001. Pada 4 Disember 2015, plaintif telah mengeluarkan notis-notis tuntutan kepada kedua-dua defendan untuk menuntut balik jumlah tersebut. Isu yang dibangkitkan oleh plaintif ialah

defendan-defendan terikat dengan terma-terma perjanjian-perjanjian tersebut walaupun mereka tidak memahami kandungan dokumen-dokumen yang ditandatangani. Manakala, defendan-defendan menyatakan bahawa: (a) mereka tidak memahami perjanjian tersebut kerana tidak berupaya bertutur atau membaca Bahasa Inggeris kecuali yang mudah dan tidak diberikan penerangan terperinci mengenai tujuan perjanjian tersebut yang telah ditandatangani; dan (b) plaintif terhalang oleh had masa kerana memulakan tindakan lebih kurang 14 tahun selepas kausa tindakan plaintif terakru.

Diputuskan, menolak tuntutan plaintif dalam kedua-dua kes dengan kos sebanyak RM15,000 bagi setiap satu kes, tertakluk kepada alokatur:

(1) Defendan-defendan terikat dengan perjanjian tersebut. Ketidakupayaan seseorang untuk memahami bahasa yang digunakan di dalam sesuatu kontrak tidak melepaskannya dari obligasi-obligasi yang terkandung di dalam kontrak tersebut jika beliau telah menandatangani kontrak tersebut. Hanya sekiranya terdapat fraud atau misrepresentasi maka boleh sesuatu kontrak diketepikan. Di dalam kes ini, jelas bahawa pembelaan-pembelaan fraud atau misrepresentasi tidak diplidkan oleh defendan-defendan. Walaupun defendan-defendan telah menyatakan bahawa mereka telah dimaklumkan bahawa tujuan perjanjian-perjanjian tersebut adalah untuk mendapatkan dana bagi penubuhan koperasi, ini tidak memadai untuk menampung pembelaan misrepresentasi, kerana tidak dinyatakan siapa yang memaklumkan sedemikian. Kegagalan ini akan menyekat keupayaan plaintif untuk membalas dakwaan defendan-defendan (lihat perenggan 24–25).

(2) Kausa tindakan plaintif telah bermula dari tamat tempoh satu tahun dari penyenaraian syarikat berkenaan, iaitu pada 26 Julai 2002. Kausa tindakan plaintif berlandaskan kontrak, dan telah luput setelah tamat tempoh enam tahun dari tarikh ini, menurut s 6(1) Akta Had Masa 1953, iaitu pada bulan Julai 2008. Tuntutan yang dibuat oleh plaintif pada 4 Disember 2015 tidak membawa kesan untuk menghidupkan kembali kausa tindakannya, dan tindakan mahkamah plaintif yang dimulakan pada 4 Februari 2016 adalah dihalang had masa (lihat perenggan 38).

[English summary

Perbadanan Nasional Bhd ('the plaintiff') had initiated two separate actions against the two defendants before this court. This case is for an action of recovery of money allegedly granted to both the defendants under a financial facility pursuant to two agreements entitled 'principal agreement' ('the agreement') dated 9 July 2001. Upon the court's suggestion, the parties' solicitors agreed that the plaintiff's case for both cases be heard simultaneously, on the ground that the evidence put forward by the plaintiff is the same for

both cases. However, the evidence submitted by each the defendant has been considered separately. In particular, the defendants' evidence in one case is not used to support the defendant's evidence in another case, since both cases are separate cases. Hence, the grounds of judgment in this case is used for both cases. The terms of the agreement, amongst other, requires the defendants to repay the loan within one year from the date of the listing of the company. During the trial, evidence was received by the court that the company was listed on 26 July 2001. On 4 December 2015, the plaintiff issued a notice of demand to both the defendants to reclaim the amount. The issue raised by the plaintiff was the defendants bound by the terms of the agreement although they did not understand the contents of the signed document. Whereas the defendants stated that: (a) they did not understand the agreement because they were unable to communicate or read the English language except that which was simple and they were not given a complete description of the purpose of the signed agreement; and (b) the plaintiff is barred by time limit for commencing an action of approximately 14 years after the plaintiff's cause of action has been accrued.

Held, dismissing the plaintiff's claim in both cases with cost of RM15,000 in each case, subject to allocator:

(1) The defendants are bound by the agreement. A person's inability to understand the language used in a contract does not release it from the obligations contained in the contract if he has signed the contract. Only if there is a fraud or misrepresentation then a contract may be set aside. In this case, it is clear that fraud pleads or misrepresentations are not pledged by the defendants. Although the defendants have stated that they have been informed that the purpose of these agreements is to raise funds for the establishment of a company, this is not sufficient to support the misrepresentation defense, as no such person has stated so. This failure will restrict the plaintiff's ability to reply the defendants' claims (see paras 24– 25).

(2) The plaintiff's cause of action has commenced from the expiration of one year from the listing of the company, ie on 26 July 2002. The plaintiff's cause of action is based on the contract, and has lapsed after the expiration of six years from this date, pursuant to s 6(1) of the Limitation Act 1953, which was in July 2008. Claims made by the plaintiff on 4 December 2015 had no effect to revive the cause of action, and the plaintiff's court action commenced on 4 February 2016 was time-barred (see para 38).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai perjanjian kemudahan, lihat 3(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 3299–3306.

Untuk kes-kes mengenai tindakan untuk kontrak, lihat 9 *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 2458–2460.

Kes-kes yang dirujuk

Bank Pertanian Malaysia v Mohd Gazzali Mohd Ismail [1996] 5 MLJ 692; [1997] 3 BLJ 299, MT (dibeza)
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492; [1987] 1 CLJ 250; [1986] 1 MLRA 292, MP (dirujuk)
Subramanian v Retnam [1966] 1 MLJ 172; [1965] 1 MLRH 231 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Had Masa 1953 s 6(1)
Akta Keterangan 1950 s 114(g)

Tan Lee Kiat (Mohamad Husaini Hussein bersama beliau) (Othman Hashim & Co) bagi pihak plaintif.
Mohamad Izwan Abdul Rahman (Faizan & Co) bagi pihak defendan.

Azizul Azmi H:

PENDAHULUAN

[1] Perbadanan Nasional Bhd ('PNS') merupakan plaintif di dalam kedua-dua kes di hadapan mahkamah ini. PNS telah memulakan tindakan terhadap kedua-dua defendan di dalam kes-kes berasingan untuk mendapatkan kembali wang yang dikatakan telah diberikan kepada kedua-dua defendan di bawah kemudahan kewangan menurut dua perjanjian bertajuk 'perjanjian prinsipal' bertarikh 9 Julai 2001.

[2] Peguam pihak-pihak telah bersetuju atas cadangan saya supaya kes plaintif untuk kedua-dua kes didengar secara serentak, atas alasan bahawa keterangan yang dikemukakan oleh plaintif adalah sama untuk kedua-dua kes. Ini kemudian diikuti oleh kes-kes setiap defendan secara turutan. Oleh itu, alasan-alasan yang terkandung di dalam penghakiman ini terpakai untuk kedua-dua kes. Namun demikian, keterangan yang dikemukakan oleh setiap defendan telah ditimbang secara berasingan. Secara khusus, keterangan defendan dalam satu kes tidak digunakan (dan tidak wajar digunakan) untuk menyokong keterangan defendan dalam kes yang lain, oleh kerana kedua-dua kes merupakan kes yang berasingan.

LATAR BELAKANG

[3] Fakta-fakta material kes ini adalah seperti berikut.

A **[4]** Kedua-dua defendan telah menandatangani dokumen-dokumen tersebut pada 9 Julai 2001 (dalam bahasa asal dokumen-dokumen tersebut):

(a) *principal agreement*;

(b) *memorandum of deposit of shares*; dan

B

(c) *power of attorney*.

[5] Mengikut dokumen-dokumen tersebut, defendan-defendan telah meminjam dana daripada PNS untuk memperolehi saham-saham syarikat C Jackley Holdings Ltd. Syarikat ini merupakan sebuah syarikat Cayman Island yang pada masa yang material telah memohon untuk disenaraikan di papan utama bursa saham Hong Kong, iaitu Hong Kong Stock Exchange.

[6] Amaun pinjaman Encik Jauhari Samsudin adalah RM2,368,969.40, D manakala pinjaman Encik Rosli Idris pula berjumlah RM8,168,860. Menurut *memorandum of deposit of shares*, saham-saham yang dilanggan oleh kedua-dua defendan didepositkan sebagai cagaran untuk menjamin pembayaran balik amaun yang dipinjam di bawah *principal agreement*. Menurut *power of attorney* E pula, PNS dan pegawai-pegawainya diberi kuasa untuk berurusan dalam segala hal berkenaan dengan saham-saham tersebut.

[7] Terma-terma *principal agreement* ('perjanjian tersebut') antara lain mewajibkan defendan-defendan untuk membayar balik wang pinjaman dalam F tempoh satu tahun dari tarikh penyenaraian syarikat tersebut. Sewaktu perbicaraan, keterangan telah diterima mahkamah bahawa syarikat tersebut sempurna disenaraikan pada 26 Julai 2001.

[8] Encik Jauhari merupakan seorang peniaga kecilan. Beliau membantu G pengusaha sawit kecil di daerah Kampung Matang, Taiping untuk menguruskan ladang sawit mereka. Encik Jauhari berpelajaran sehingga Sijil Pelajaran Malaysia, dan menurut keterangannya tidak mampu memahami Bahasa Inggeris mahupun membacanya.

H **[9]** Sewaktu perbicaraan, Encik Jauhari memberi keterangan bahawa beliau telah didatangi Dato' Amiruddin Osman, seorang pucuk pemimpin Pemuda UMNO Kawasan, untuk menubuhkan satu koperasi belia bagi Pemuda UMNO Kawasan Kuala Kangsar. Encik Jauhari bersama-sama 11 orang yang I lain kemudian telah dibawa berjumpa dengan wakil plaintif di Kuala Lumpur bagi tujuan menandatangani perjanjian yang disangkakan merujuk kepada pegangan saham dalam koperasi belia tersebut.

[10] Encik Rosli pula seorang pemandu peribadi. Seperti En Jauhari, Encik Rosli juga tidak berupaya bertutur atau membaca Bahasa Inggeris, kecuali 'yang mudah-mudah' sahaja. Beliau juga mendapat pendidikan sehingga tahap SPM.

[11] Encik Rosli memberi keterangan yang selari dengan keterangan Encik Jauhari, mengenai peranan yang dimainkan oleh Dato' Amiruddin Osman, yang dikatakan Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kuala Kangsar pada ketika itu.

[12] Dato' Amiruddin tidak dipanggil sebagai saksi kes pembelaan di waktu perbicaraan. Sewaktu hujahan, peguam terpelajar plaintif mencadangkan supaya mahkamah membuat suatu tanggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 bahawa jika beliau dipanggil, keterangan yang bakal beliau beri akan bertentangan dengan kes defendan-defendan.

[13] Pada pendapat saya, tanggapan tersebut tidak wajar dibuat mengikut fakta kes ini. Pertama sekali, setiap tanggapan atau inferensi yang dibuat di bawah s 114(g) adalah tertakluk kepada budi bicara mahkamah. Keduanya, kes plaintif dalam isu ini adalah cuma untuk menafikan penegasan defendan bahawa mereka telah didatangi pucuk pemimpin Pemuda UMNO untuk menubuhkan suatu koperasi belia. Plaintif telah meletakkan defendan-defendan ke atas beban bukti yang kukuh, dan tidak mengutarakan apa-apa keterangan yang menyangkal keterangan defendan-defendan.

[14] Setelah mendengar keterangan setiap satu defendan, saya berpendapat bahawa tiada wujud apa-apa sebab untuk mahkamah untuk meragui keterangan mereka. Setiap satu defendan dapat saya perhatikan telah memberi keterangan secara telus dan benar dan saya terima apa yang mereka katakan mengenai pertemuan dengan Dato' Amiruddin.

[15] Harus juga diingat bahawa sesuatu anggapan di bawah s 114(g) tidak boleh diaplikasikan secara sewenang-wenang. Di dalam kes *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492; [1987] 1 CLJ 250; [1986] 1 MLRA 292, Mohamed Azmi HMA berkata seperti berikut:

> It is essential to appreciate the scope of s 114(g) lest it be carried too far outside its limit. Adverse inference under that illustration can only be drawn if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just any document, but material document by a party in his possession, or for non-production of not just any witness but an important and material witness to the case.

[16] Pada pendapat saya, tidak ada apa-apa di dalam kes ini yang boleh menunjukkan bahawa defendan-defendan telah menyembunyikan keterangan.

[17] Walau apa pun, isu ini tidak membentuk isu penentuan dalam kes ini, seperti yang akan dilihat sebentar lagi.

[18] Pada 4 Disember 2015, PNS telah mengeluarkan notis-notis tuntutan kepada kedua-dua defendan. Terhadap Encik Jauhari, PNS menuntut sejumlah RM1,850,009.61, manakala terhadap Encik Rosli sejumlah RM7,556,295.68.

ISU-ISU PENENTUAN

[19] Kes plaintif berkisar atas prinsip bahawa defendan-defendan terikat dengan terma-terma perjanjian-perjanjian tersebut, sungguhpun mereka tidak memahami kandungan dokumen-dokumen yang ditandatangani.

[20] Defendan-defendan pula menyatakan bahawa:

(a) mereka tidak diberikan penerangan terperinci mengenai transaksi saham yang telah dijalankan dan sebaliknya telah dimaklumkan bahawa tujuan perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani adalah untuk penubuhan koperasi belia UMNO. Oleh itu, menurut peguam terpelajar bagi pihak defendan-defendan, mereka tidak sepatutnya terikat dengan perjanjian-perjanjian tersebut; dan

(b) plaintif terhalang had masa, kerana memulakan tindakan lebih kurang 14 tahun selepas kausa tindakan plaintif terakru. Peguam terpelajar PNS pula berhujah bahawa taksiran masa bagi tujuan Akta Had Masa 1953 tidak seharusnya bermula sehinggalah PNS memberi notis-notis tuntutan kepada defendan-defendan. Menurut beliau, oleh kerana tuntutan telah dibuat pada bulan Disember 2015, PNS belum lagi terhalang had masa dalam kedua-dua tindakan ini.

[21] Kedua-dua isu ini dianalisis secara turutan di perenggan-perenggan berikut.

ANALISIS

Sama ada defendan-defendan terikat perjanjian

[22] Dalam pernyataan pembelaan defendan-defendan, mereka menyatakan seperti berikut:

3. ... Defendan menyatakan bahawa Perjanjian Prinsipal tersebut ditandatangani tanpa sebarang penerangan terperinci diberikan oleh wakil Plaintif kepada Defendan mengenai pembelian saham Syarikat tersebut dan Defendan tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai akujanji yang dikatakan telah diberikan oleh Defendan kepada Plaintif.

4. Perjanjian Prinsipal tersebut ditandatangani berdasarkan suatu kepercayaan bahawa pinjaman daripada Perjanjian Prinsipal tersebut akan digunakan bagi membiayai penubuhan koperasi yang akan dianggotai oleh belia-belia di dalam kawasan Defendan. Defendan seterusnya menyatakan bahawa Defendan tidak pernah pada setiap masa yang material dimaklumkan mengenai pinjaman dengan Plaintif untuk pembelian saham Syarikat tersebut sebaliknya dimaklumkan bahawa Perjanjian Prinsipal tersebut ditandatangani dengan tujuan untuk mendapatkan dana bagi penubuhan koperasi untuk Pemuda Umno Bahagian Kuala Kangsar di mana Defendan akan menjadi pemegang syer di dalam koperasi tersebut sebagai pemegang amanah ('trustee') sahaja.

[23] Sewaktu perbicaraan, keterangan telah diberikan oleh kedua-dua defendan bahawa mereka tidak boleh berbahasa Inggeris dan tidak memahami kandungan perjanjian-perjanjian yang telah mereka tandatangani.

[24] Namun demikian, ini tidak bermakna bahawa mereka tidak terikat kepada perjanjian-perjanjian tersebut. Dalam kes *Subramanian v Retnam* [1966] 1 MLJ 172; [1965] 1 MLRH 231, Gill H telah berpendapat bahawa ketidakupayaan seseorang untuk memahami bahasa yang digunakan di dalam sesuatu kontrak tidak melepaskannya dari obligasi-obligasi yang terkandung di dalam kontrak tersebut jika beliau telah menandatangani kontrak tersebut:

It would appear that the learned magistrate was unduly influenced by the fact that no evidence was produced to show that the document was explained to the respondent who knows no English. If that was his reason or one of his reasons for dismissing the action, in my opinion he was wrong. For my saying so I find support in the following statement of the law, with which I respectfully agree, in the judgment of Wood Ag CJ, in *Ismail bin Savoosah & Ors Hajee Ismail* (1889) 4 Ky 453 458:

> It was argued that the defendant being ignorant of the English language he is to be excused on that account from the performance of his contract, but it is to my mind clear that in the common principles which govern the law of contract, the person who contracts by a written document, whether or not he understands the language in which it is written, is bound, in the absence of fraud or misrepresentation, by the terms of that contract, as to which proposition no objection was authoritatively sustained.

[25] Dari petikan di atas, hanya sekiranya terdapat fraud atau misrepresentasi maka boleh sesuatu kontrak diketepikan. Di dalam kes ini, jelas bahawa pembelaan-pembelaan fraud atau misrepresentasi tidak diplidkan oleh defendan-defendan. Walaupun defendan-defendan telah menyatakan

bahawa mereka telah dimaklumkan bahawa tujuan perjanjian-perjanjian tersebut adalah untuk mendapatkan dana bagi penubuhan koperasi, ini tidak memadai untuk menampung pembelaan misrepresentasi, kerana tidak dinyatakan siapa yang memaklumkan sedemikian. Kegagalan ini akan menyekat keupayaan plaintif untuk membalas dakwaan defendan-defendan.

[26] Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa defendan-defendan terikat dengan perjanjian-perjanjian yang mereka telah masing-masing tandatangani.

[27] Isu seterusnya adalah sama ada tindakan plaintif dihalang had masa.

Sama ada plaintif dihalang had masa

[28] Isu yang menjadi isu pokok dalam kes ini adalah pentafsiran sebenar terma-terma perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani oleh defendan-defendan.

[29] Mengikut klausa 4.05 perjanjian-perjanjian tersebut, setiap defendan hendaklah membayar kembali wang yang dipinjam dalam tempoh satu tahun dari tarikh penyenaraian syarikat berkenaan di bursa saham Hong Kong. Ianya tidak dipertikaikan bahawa syarikat tersebut disenaraikan pada 26 Julai 2001.

[30] Klausa 4.05 berbunyi seperti berikut (dalam bahasa asal):

> Section 4.05 REPAYMENT OF SHARE PRICE
>
> The Proponent hereby undertakes, covenants and agrees to repay to PNS the Share Price at any time within a period of one (1) year from the date of listing of the Company on the Main Board of the HSE (hereinafter called 'the Tenure').

[31] Jelas diperhatikan bahawa klausa ini sebenarnya mengkehendaki bayaran balik dibuat *sebelum tamat* tempoh setahun dari penyenaraian syarikat berkenaan. Pembayaran balik dimestikan selewatnya-lewatnya setahun dari tarikh penyenaraian, tetapi klausa ini juga menjangkakan bahawa dalam keadaan tertentu, defendan berobligasi untuk melangsaikan keberhutangan mereka dalam tempoh kurang setahun. Dalam situasi manakah hal ini boleh timbul?

[32] Jawapannya adalah dalam klausa 8.01(a), yang berbunyi seperti berikut:

> ARTICLE VIII
>
> EVENTS OF DEFAULT
>
> Section 8.01 DEFAULT

The Proponent is deemed to have committed an Event of Default if the Proponent commits or threatens to commit a breach of any of the covenants, undertaking, stipulations, terms, conditions, or provisions herein stipulated and without prejudice to the generality of the foregoing, upon the happening of any one or more of the following events:

(a) if the Proponent fails to pay any amount due under this Agreement *on the due date or on demand*, if so payable;

[33] Terdapat perkara lain juga yang membangkitkan kemungkiran kontrak, tetapi perenggan (a) merupakan yang material bagi tujuan kes ini.

[34] Klausa 8.01 memperuntukkan bahawa kemungkiran kontrak tertimbul dalam situasi di mana defendan gagal membayar apa-apa amaun yang perlu dibayar menurut peruntukan perjanjian tersebut pada tarikh matang (*due date*) atau pun jika dituntut oleh PNS. Oleh yang demikian, jika klausa 4.05 dibaca bersama klausa 8.01, jelas dapat diperlihatkan bahawa PNS berhak untuk menuntut pembayaran balik amaun terhutang walaupun tempoh setahun dari tarikh penyenaraian masih belum luput. Jika tuntutan sedemikian dibuat, defendan wajib membayar balik amaun yang dipinjam, sungguhpun tarikh matang belum berlalu.

[35] Pemerhatian kedua adalah bahawa klausa 8.01 sebenarnya tidak memberikan hak kepada PNS untuk memilih untuk membangkitkan kejadian kemungkiran, sama ada kerana kegagalan defendan untuk membayar kembali amaun terhutang pada tarikh matang, ataupun mengikut tuntutan PNS. Klausa 8.01, jika dibaca secara keseluruhan, hanya memperuntukkan kesan dari segi undang-undang jika peristiwa-peristiwa yang tertentu berlaku. Hal ini jelas dari penggunaan frasa 'deemed to have committed an Event of Default' dalam pembukaan klausa 8.01. Oleh itu, jika defendan gagal membayar balik amaun terhutang pada tarikh matang, defendan akan dianggap sebagai telah melakukan suatu kemungkiran kontrak. Begitu juga jika PNS telah melaksanakan haknya untuk menuntut pembayaran balik amaun terhutang sebelum luput tarikh matang dan defendan gagal menepati tuntutan tersebut. Tetapi ini tidak bermakna bahawa defendan tidak akan dianggap sebagai memungkiri kontrak selagi PNS tidak melaksanakan haknya untuk membuat tuntutan. Defendan tetap akan dalam keadaan kemungkiran kerana gagal membuat pembayaran balik.

[36] Begitu juga jika defendan melakukan apa-apa yang lain yang akan mengakibatkan kemungkiran kontrak, seperti jika prosiding kebankrapan dimulakan terhadap defendan, menurut klausa 8.01(c), umpamanya. Jika prosiding kebankrapan dimulakan terhadap defendan, beliau akan dianggap sebagai telah memungkiri perjanjian tersebut. Sama ada PNS membuat tuntutan menurut klausa 8.01 (dibaca bersama dengan klausa 4.05) tidak akan

menjejaskan atau memberikan apa-apa kesan terhadap kemungkiran kontrak yang diakibatkan oleh prosiding kebankrapan tersebut.

[37] Inilah sebabnya saya mengatakan bahawa sebenarnya klausa 8.01(a) tidak memperuntukkan apa-apa hak bagi PNS untuk memilih tindakan yang hendak dijalankan. Walaupun memang PNS berhak untuk membuat tuntutan, tuntutan tersebut hanyalah efektif dan berkesan jika sekiranya PNS bertujuan untuk mempercepatkan pembayaran balik. Tuntutan yang dibuat selepas tarikh matang tidak akan mengubah fakta bahawa defendan telah pun berada di dalam keadaan kemungkiran kontrak oleh sebab kegagalan membayar balik dalam tempoh ditetapkan.

[38] Turutan dari ini, kausa tindakan PNS selaku plaintif telah bermula dari tamat tempoh satu tahun dari penyenaraian syarikat berkenaan, iaitu pada 26 Julai 2002. Kausa tindakan plaintif berlandaskan kontrak, dan telah luput setelah tamat tempoh enam, tahun dari tarikh ini, menurut s 6(1) Akta Had Masa 1953, iaitu pada bulan Julai 2008. Tuntutan yang dibuat oleh plaintif pada 4 Disember 2015 tidak membawa kesan untuk menghidupkan kembali kausa tindakannya, dan tindakan mahkamah plaintif yang dimulakan pada 4 Februari 2016 adalah dihalang had masa.

[39] Peguam terpelajar plaintif telah berhujah bahawa klausa 8.01(a) memperuntukkan bahawa berkenaan dengan kejadian kemungkiran, ia menjadi hak dan budi bicara plaintif untuk memulakan tindakan pada tarikh matang atau atas tuntutannya. Saya berpendapat bahawa tafsiran ini tidak tepat, atas sebab-sebab yang telah dikemukakan di dalam perenggan-perenggan 34–37 ante.

[40] Peguam plaintif juga telah menarik perhatian mahkamah kepada kes *Bank Pertanian Malaysia v Mohd Gazzali Mohd Ismail* [1996] 5 MLJ 692; [1997] 3 BLJ 299, sebagai autoriti untuk menunjukkan bahawa selagi tuntutan tidak dibuat di bawah sesuatu kemudahan kewangan, selagi itu masa tidak akan bermula bagi tujuan taksiran tempoh had masa. Pada pendapat saya, kes ini dapat dibezakan oleh kerana peruntukan perjanjian kemudahan kewangan dalam kes itu berbeza.

[41] Dalam kes tersebut, defendan En Gazzali merupakan bekas pekerja bank plaintif yang telah diberikan pinjaman perumahan. Defendan gagal untuk menyenggarakan akaun pinjaman beliau dengan sempurna, dan pihak bank telah melaksanakan haknya untuk menjual sebidang tanah yang telah dicagarkan kepada bank melalui suatu lelongan awam yang dijalankan oleh mahkamah. Apabila pihak bank memohon supaya hasil penjualan tersebut digunakan untuk membayar faedah tertunggak, peguam defendan membantah atas alasan bahawa tindakan plaintif terhalang had masa.

Mahkamah Tinggi dalam kes ini telah membuat penentuan bahawa taksiran masa bagi tujuan Akta Had Masa 1953 tidak akan bermula selagi notis tuntutan tidak dikeluarkan oleh plaintif:

> In considering whether such an 'on demand' provision made a demand an absolute necessity, Chang Min Tat FJ in the case of *Sim Siok Eng v Kong Ming Bank Bhd* [1980] 2 MLJ 21 at p 22, in concluding that it is a question of ascertaining the intention of parties, made reference to the judgment of Atkin LJ in *N Joachimson (a firm name) v Swiss Bank Corp* [1921] 3 KB 110 which states:
>
> > The question appears to me to be in every case, did the parties in fact intend to make the demand a term of the contract? If they did, effect will be given to their contract, whether it be a direct promise to pay or a collateral promise, though in seeking to ascertain their intention, the nature of the contract may be material.
> >
> > On the facts of this case it was an express term of the contract that a demand be issued. Such an 'on demand' provision of the charge made a demand an absolute necessity and *I hold that time therefore did not run against the plaintiff until a demand was made and repayment had been refused. In these circumstances I hold that the cause of action in this case arose from the date of issuance of the letter of demand, ie 31 July 1985*. (Penekanan ditambah.)

[42] Sebagaimana yang saya katakan di atas, pihak peguam bijaksana plaintif menggunakan kes ini sebagai autoriti bahawa sesuatu tindakan undang-undang tidak akan terakru berkenaan dengan sesuatu pinjaman selagi tuntutan untuk pembayaran balik tidak dibuat.

[43] Pada pendapat saya, kes ini dapat dibezakan kerana dokumen gadaian di dalam kes tersebut memperuntukkan secara khusus bahawa pembayaran balik hendaklah dibuat hanya setelah tuntutan dibuat oleh pihak bank. Klausa berkenaan di dalam kes *Bank Pertanian Malaysia v Mohd Gazzali Mohd Ismail* berbunyi seperti berikut:

> (4) The balance from time to time due by the chargor to the chargee on the said account shall be payable by the chargor on demand but no demand shall be made by the chargee pursuant to this clause unless default be made by the chargor in payment of any one or more of the said instalments and other payments hereby agreed to be made at the times and in the manner herein mentioned … or shall leave the employment of the chargee …
>
> (5) Until a demand is made pursuant to cl 4 hereof the chargor shall pay to the chargee the principal sum together with interest thereon at the rate specified in cl 10(a) hereof by Three Hundred (300) monthly instalments of Malaysian Ringgit Seven Hundred and Twenty Nine and Sen Twenty Two (RM729.22) each or instalments of such other amount as shall be determined under the provisions of cll 9 or 11 hereof to the chargee until the whole balance of the said account is paid by the chargor to the chargee in full.

A **[44]** Klausa-klausa di atas jelas menunjukkan bahawa obligasi defendan untuk membuat pembayaran keseluruhan amaun yang dipinjamkan tertimbul apabila suatu tuntutan dibuat oleh bank. Bank pula hanya boleh membuat suatu tuntutan pembayaran semula jika sekiranya defendan di dalam kes itu telah ingkar untuk membuat bayaran ansuran, atau jika beliau tamat
B penggajiannya dengan bank.

[45] Oleh yang demikian, hakim terpelajar di dalam kes itu telah membuat penemuan yang tepat, bahawa pengiraan masa tidak akan bermula selagi
C tuntutan tidak dibuat oleh pihak bank.

[46] Beza antara kes tersebut dan kes yang sedang di dalam pertimbangan mahkamah sekarang adalah perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani oleh defendan-defendan di dalam kes ini tidak mewajibkan bahawa suatu
D tuntutan harus dibuat sebelum setiap defendan dikenakan obligasi untuk membuat pembayaran semula kesemua amaun pinjaman. Terdapat lain-lain kejadian keingkaran yang telah ditetapkan di bawah klausa 8.01, dan dengan terjadinya mana-mana peristiwa yang ditetapkan, defendan akan telah dianggap sebagai melakukan suatu kejadian keingkaran (*event of default*).

E

[47] Jika apa yang dikatakan oleh peguam terpelajar bagi pihak plaintif adalah tepat, ini akan bermakna bahawa seseorang plaintif boleh menghidupkan kembali apa-apa kausa tindakan yang luput hanya dengan mengeluarkan notis tuntutan, walaupun defendan telah pada awalnya berada
F di dalam keadaan keingkaran. Dengan hormatnya saya menyatakan bahawa ini bukan merupakan suatu kesimpulan yang tepat ataupun wajar.

[48] Memandangkan keputusan mahkamah berpihak kepada defendan-defendan dalam isu had masa perundangan di bawah Akta Had
G Masa 1953, tidak timbul apa-apa keperluan lagi bagi mahkamah ini untuk memutuskan sama ada defendan-defendan berhak untuk membawa pembelaan bahawa plaintif juga dihadkan oleh doktrin ekuiti *laches*. Khususnya, plaintif berhujah bahawa seksyen 8.07 perjanjian berkenaan menghalang defendan-defendan daripada membangkitkan *laches*. Isu yang
H timbul adalah sama ada pihak-pihak di dalam sesuatu kontrak berupaya bersetuju untuk menolak pemakaian prinsip-prinsip ekuiti. Walaupun ini merupakan isu menarik dari segi undang-undang, namun ianya tidak perlu dijawab di sini.

I **[49]** Sebelum meninggalkan kes ini, saya juga ingin membuat pemerhatian bahawa fakta-fakta objektif kes ini membangkitkan banyak persoalan mengenai tindak-tanduk PNS dan/atau agennya. Sebagai contoh, amat menghairankan bagaimana penduduk kampung yang tidak mempunyai pengalaman mendalam mengenai hal-hal pelaburan boleh dipelawa untuk

membuat pelaburan di dalam saham sesebuah syarikat asing yang akan disenaraikan di bursa Hong Kong. Jelas daripada cara perjanjian-perjanjian berkenaan distruktur bahawa skim pelaburan ini bukanlah sesuatu yang telah dirancang oleh defendan-defendan sendiri, akan tetapi oleh pihak plaintif atau orang-orang yang bertindak atas namanya (sungguhpun di dalam perjanjian tersebut defendan dinamakan sebagai 'proponent', yang memberi gambaran bahawa skim tersebut merupakan ciptaan defendan-defendan). Tambahan pula, apa-apa pelawaan membeli atau melanggan saham yang diberikan kepada seseorang yang bukan merupakan pelabur institusi seharusnya tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti dan perlu dilampirkan bersama sesuatu prospektus atau dokumen penzahiran yang lain seperti suatu memorandum maklumat. Kesemua isu-isu ini tidak dibangkitkan di dalam pliding ataupun sewaktu perbicaraan. Oleh yang demikian, sewaktu membuat penentuan di dalam kes ini, saya tidak mengambil kira sama sekali persoalan-persoalan yang timbul dalam hal ini, walaupun jika dihitung secara objektif isu-isu berkenaan pengawalseliaan mungkin relevan dalam menentukan hak dan liabiliti di antara pihak-pihak.

[50] Atas alasan-alasan yang diterangkan di atas, tuntutan plaintif dalam kedua-dua kes ditolak dengan kos RM15,000 bagi setiap satu kes, tertakluk kepada alokatur.

Tuntutan plaintif dalam kedua-dua kes ditolak dengan kos sebanyak RM15,000 bagi setiap satu kes, tertakluk kepada alokatur.

Dilaporkan oleh Lee TJ